

1. **Skim Perkhidmatan** : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Gred : N1
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Kontrak
Tempoh Lantikan : 2 tahun
Kekosongan Jawatan : 1 kekosongan

Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

- Imbuhan Tetap Khidmat Awam : **RM 115.00**
Imbuhan Tetap Perumahan : **RM 300.00**
Bantuan Sara Hidup : **RM 350.00**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1:RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1:RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1:RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1:RM1,622.00); atau

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- Fungsi Bidang Tugas
1. Membantu bagi proses penyediaan surat mesyuarat, pengedaran surat mesyuarat, kehadiran mesyuarat, penyediaan makanan mesyuarat, persediaan bilik mesyuarat supaya setiap mesyuarat yang diadakan dapat berjalan dengan lancar dan teratur
 2. Membantu menyelenggara Pengurusan Rekod Jabatan terutama di seksyen belanjawan dapat diurus dengan baik dan teratur.
 3. Membantu dalam mendapatkan input-input yang berkaitan belanjawan negeri daripada setiap agensi yang terlibat supaya belanjawan pada tahun tersebut dapat berjalan dengan lancar dan teratur
 4. Membantu dalam melaksanakan Notis Perubahan (NOC) bagi setiap jabatan / agensi yang menghantar permohonan kepada seksyen belanjawan BPENJ supaya perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna
 5. Membantu mengemaskini Notis Perubahan di dalam Sistem Pemantauan Negeri Johor (JoMS) agar belanjawan pada tahun semasa dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kerajaan negeri Johor.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 9 DISEMBER 2025 JAM 8 PAGI
TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 22 DISEMBER 2025 JAM 5 PETANG

ii. Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan, yang **telah diakui sah** salinannya.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, Badan-badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya dipanggil temuduga, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, secara fizikal.
- iv. Surat Pengesahan Pemastautin Tetap daripada Penghulu/ Ketua Kampung sekiranya bukan kelahiran di Negeri Johor.
- v. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
- vi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- vii. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
JOHOR ARAS 1 & 2, BLOK B
BANGUNAN DATO' JAAFAR
MUHAMMAD KOTA ISKANDAR
79503 ISKANDAR PUTERI**

